

# Ihsan, Wasatiyah, Kecemerlangan Wali Songo & Kesultanan Melaka

Oleh:

Tun Suzana Tun Hj Othman  
Pertubuhan Kesedaran Melayu & Islam

# Ihsan, Wasatiyah, Kecemerlangan Wali Songo & Kesultanan Melaka

---

<b>Topik</b>	<b>Ms</b>
1. Ihsan dalam Fahaman Ahlus Sunnah wal Jamaah ... ..	3
2. Hubungan Wasatiyah dengan Ihsan ... ..	4
3. Kecemerlangan Dakwah Wali Songo ... ..	7
4. Ringkasan Kesultanan Melaka ... ..	11
5. Perkembangan Islam di Melaka ... ..	14
6. Ihsan dan Wasatiyah dalam Kesultanan Melaka ... ..	16
7. Bibliografi ... ..	23

## **Ihsan Dalam Fahaman Ahlus Sunnah wal Jamaah**

Ajaran Islam adalah berlandaskan tiga kerangka dasar iaitu Iman, Islam dan Ihsan. Sumbernya diambil dari hadis Rasulullah ﷺ yang diriwayatkan oleh Sayyidina Umar al Khatab, dikenali sebagai Hadis Jibril. Hadis tersebut berkisah tentang dialog di antara Malaikat Jibril as dengan Nabi ﷺ, yang mana Jibril as telah bertanya kepada baginda tentang apa yang kemudiannya dikenali sebagai Tiga Rukun Agama Islam.

Soalan pertama menyentuh Rukun Iman, dan Rasulullah ﷺ memberikan enam perkara iaitu beriman kepada Allah, MalaikatNya, Kitab-kitabNya, Rasul-rasulNya, Hari Akhirat dan Qada' serta Qadar Nya. Selepas itu, Jibril bertanya pula tentang Rukun Islam dan dijawab Nabi ﷺ dengan lima perkara, yakni bersaksi bahawasanya tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah utusanNya, mendirikan solat, menunaikan zakat, melaksanakan puasa Ramadhan, serta mengerjakan haji di Baitullah bagi yang mampu. Seterusnya Jibril bertanya pula tentang Rukun Ihsan, Rasulullah ﷺ menjawab ianya adalah menyembah (beribadah) Allah seolah-olah ia melihatNya, dan jika tidak dapat melihat Allah, maka yakinlah bahawa Allah selalu melihatnya.

Dari hadis Jibril ini, tiga Rukun Agama yang menjadi dasar atau asas ajaran Islam iaitu Iman, Islam dan Ihsan terus dikembangkan oleh alim ulama salaf dan khalaf kepada tiga bidang pengkajian: Rukun Iman menjadi bidang Ilmu Aqidah, Rukun Islam adalah Ilmu Syariat dan Rukun Ihsan pula adalah Ilmu Akhlak.

Hadis sahih inilah yang menjadi sumber rujukan mengenai konsep Ihsan, yang mengajar bagaimana untuk manusia beribadah kepada Allah dengan kekhusyukkan. Yakni pada keadaan seolah-olah kita melihat Allah swt, ianya disebut *Musyahahad* (penyaksian), sedangkan jika kita merasa seolah-olah Allah sentiasa melihat kita, ini disebut *Muraqabah* (merasa diawasi), iaitu terpatery keyakinan yang mendalam terhadap kuasa Allah yang Maha Melihat atau Maha Mengawasi.

Seterusnya, konsep ihsan yang merupakan suasana jiwa dan hal keadaan hati ini boleh diterjemahkan pada dua aspek praktikal berikut yang berkait rapat: Pertama: melakukan sesuatu pekerjaan (amal) dengan sebaik, seindah dan sesempurna mungkin. Sesuatu perbuatan atau tindakan itu belum dikira mencapai tahap ihsan jika tidak dilakukan dengan terbaik dalam upaya mencapai kesempurnaan yang optimal. Kedua: berbuat kebaikan, kebajikan atau menafaat terhadap sesiapa sahaja pihak yang lain, namun harus ditunjukkan dari kemampuannya untuk melihat Allah melalui mata hatinya, merasakan kehadiranNya atau berkeyakinan penuh bahawa perbuatan baik itu dilihat, diawasi dan diperhitungkan oleh Allah swt.

*“ Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dan mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, dan Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya, (iaitu) ketika dua orang malaikat mencatat amal perbuatannya, seorang duduk di sebelah kanan dan yang lain duduk di sebelah kiri. Tiada suatu ucapanpun yang diucapkannya melainkan ada di dekatnya malaikat pengawas yang selalu hadir.”* (Qaaf : 16-18)

Ringkasnya, seseorang yang sifat ihsannya tinggi akan beristiqomah dan sentiasa bersemangat untuk membuat amal kebajikan serta malu pula untuk berbuat maksiat kerana mata hatinya merasai keberadaan dan kebersamaan Allah yang ia yakin bahawa Allah gembira dengan segala kebbaikannya dan sentiasa mengawasi segala amal perbuatannya.

Menghidupkan sifat ihsan secara umumnya dapat dilaksanakan dalam bentuk hubungan vertikal, iaitu dalam konteks hubungannya dengan Allah swt, yang disebut sebagai *hablumminallah* dan hubungan horizontal, iaitu bermuamalah sesama manusia atau *hablumminannas* dan hubungan dengan alam dan binatang selaku makhluk ciptaan Allah, atau *hablumminal 'alam*.

Contoh penghayatan ihsan dalam bentuk hubungan vertikal *hablumminallah*, adalah dalam keikhlasan dan kekhusyukan beribadat pada Allah terkait Rukun Islam yang lima sepertimana yang telah disebutkan dalam Hadis Jibril sebelum ini. Namun apa juga bentuk ibadah terhadap Allah yang dilakukan sesempurna mungkin secara zahir dan batin, disertai dengan kekhusyukan dan ikhtiar untuk sentiasa memperbaiki amal ibadatnya adalah penzahiran atau menifestasi sifat ihsan pada seseorang.

Keperibadian ihsan yang diwujudkan dalam konteks hubungan horizontal, terkait *hablumminannas*,serta penyempurnaan tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah, terzahir pada muamalah manusia terhadap manusia lainnya, seperti berbuat baik serta mencurahkan kebaktian kepada ibubapa dan orang-orang tua, membantu sesiapa sahaja yang dalam kesusahan, menyantuni golongan asnaf, menziarahi orang-orang sakit, suka bersedekah, dan banyak lagi. Contoh penghayatan sifat ihsan dalam konteks *hablumminal 'alam*, atau hubungan dengan binatang serta alam atau lingkungannya adalah memberi makan atau minuman kepada binatang yang lapar dan kehausan, merawat binatang yang tercedera, menyembelih binatang dengan cara baik dan sebagainya.

## **Hubungan Wasatiyah dengan Ihsan**

Menghidupkan sifat ihsan, iaitu keyakinan seolah-olah dapat melihat Allah dengan mata hati ataupun merasakan bahawa Allah sentiasa mengawasi kita akan membuah amal perbuatan yang baik, benar, bijak serta berakhlak mulia kepada sesiapaapun, di manapun dan bila-bila masapun, baik dalam bentuk ibadah sebagai hamba Allah dalam hubungan vertikal, ataupun dalam hubungan horizontal terhadap sesama manusia dan alam seisinya.

Maka apabila dinisbatkan ihsan sebagai melakukan suatu pekerjaan dengan sebaik-baiknya, seindah mungkin dan dengan sesempurna mungkin, maka bagaimana pula untuk memberikan takrifan yang tepat tentang makna 'sebaik, seindah atau sesempurna mungkin'? Kerana manusia sudah tentunya akan berbeza pendapat tentang takrifan ini. Sesungguhnya Allah swt atas Rahmat dan RahimNya telahpun memberikan garis ukur yang jelas tentang konsep amal ihsan ini, iaitu dengan menggunakan apa yang diistilahkan sebagai 'wasatiyyah', dengan merujuk kepada sumber naqal, iaitu al-Quran dan sunnah Rasulullah ﷺ, dan diperkukuhkan dengan

prinsip-prinsip akal yang sihat (AKAL & NAQAL)<sup>1</sup>, iaitu tidak berteraskan kepada emosi atau nafsu syahwat.

Dari sudut bahasa Arab, perkataan 'wasatiyyah' adalah masdar atau kata terbitan dari perkataan 'al-wasat'. Dari perkataan 'al=wasat' terbit pula perkataan 'al-awsat' ism tafdil yang bermaksud sangat adil dan tidak melampau. Perkataan lain dalam bahasa Arab yang sama dengannya ialah 'i'tidal' , yang bermaksud tidak melampau (ketat) dan tidak cuai (longgar). Manakala wasatiyyah dari sudut istilah bermaksud kesederhanaan, keseimbangan dan keadilan dalam kehidupan manusia.

Allah swt berfirman yang maksudnya: *"Dan hendaklah kamu jadi umat yang pertengahan untuk menjadi saksi ke atas manusia, dan Rasul itu menjadi saksi ke atas kamu."* ( )

Dalam ayat lain Allah swt berfirman yang maksudnya: *"Dan demikianlah (sebagai mana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu **umat pilihan lagi adil**, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada manusia (tentang yang benar dan yang salah)"* (al-Baqarah: 143)

Secara umumnya, ayat ini menyuruh manusia melakukan kebenaran dan keadilan. Keadilan mempunyai maksud yang begitu rapat dengan wasatiyyah kerana wasatiyyah tanpa keadilan adalah omongan kosong. Maksud 'umat yang pertengahan' dalam ayat di atas sering disalah ertikan. Antara istilah yang digunakan oleh umat Islam terhadap maksud 'wasato' dalam ayat itu ialah 'sederhana'. Memang benar Islam itu agama yang sederhana dan pertengahan. Tapi apa yang dimaksudkan dengan sederhana dalam Islam sebagaimana yang sebenar-benarnya dikehendaki oleh Rasulullah saw?

Adalah suatu kesilapan untuk mengatakan bahawa maksud kesederhanaan dan pertengahan dalam Islam itu adalah 50:50. Hakikatnya, kesederhanaan dalam konteks Islam ialah meletakkan setiap sesuatu pada tempatnya yang betul dan tepat selari dengan nilai-nilai yang tinggi secara adil, berhikmah dan beradab. Kesederhanaan dalam Islam juga membawa erti menyeimbangkan antara dunia dan akhirat sebagaimana ayat Al Qur'an berikut yang maksudnya;

*"Dan rebutlah apa yang dikurniakan kepada kamu oleh Allah di negara Akhirat , dan janganlah kamu lupakan bahagian kamu daripada dunia, dan janganlah kamu melakukan kerosakan di mukabumi ini. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan."*

Maksud seimbang di sini bukan 50:50 kerana sudah tentu bekalan untuk alam yang tiada hari penghujung lebih banyak dari alam yang terbatas di dunia ini. Tetapi seseorang itu perlu menyeimbangkannya dengan mengenali hak-hak yang perlu disempurnakan ke atas Allah, keluarganya, dirinya sendiri dan manusia lain.

---

<sup>1</sup> Mengikut ajaran Imam Abu Hassan Asy'arie,

Manusia yang paling sempurna untuk dijadikan teladan tentang bagaimana yang dimaksudkan dengan 'kesederhanaan dalam Islam', ialah pada kehidupan Rasulullah ﷺ sendiri, melainkan perkara-perkara yang telah dikecualikan untuk baginda sahaja seperti berkahwin lebih daripada empat orang isteri. Contohnya, Rasulullah ﷺ tidak berpuasa sunat yang berpanjangan berhari-hari. Ada hari baginda berpuasa dan ada hari baginda berbuka. Baginda juga tidak meninggalkan fitrah manusia seperti tidur di malam hari walaupun melakukan qiyamullail. Ada waktu bersama isteri-isterinya dan ada waktu baginda bermunajat kepada Allah di hujung malam. Rasulullah ﷺ juga sentiasa memaafkan mereka yang mengganggu dan menyakitinya, tidak sepertimana dakwaan sesetengah puak ekstrim yang meletupkan diri mereka di tempat-tempat awam atau membunuh orang lain tanpa hak, konon atas nama jihad dan pembelaan Nabi ﷺ.

Dalam konteks menghidupkan wasatiyah dalam kerangka ihsan, antara contohnya adalah memahami bahawa Allah swt telah menciptakan manusia dengan pelbagai latar belakang bangsa dan agama, lalu tidak memaksakan orang bukan Islam untuk menganuti agama ini. Islam mengajar untuk membuat usaha dakwah ke atas mereka dengan adab dan akhlak yang baik kemudian menyerahkan natijahnya kepada Allah swt semata.

Manifestasi lain dalam wasatiyyah ialah mengiktiraf kewujudan pelbagai mazhab terutama empat mazhab utama iaitu Maliki, Syafie, Hanafi dan Hambali dengan perbezaan fiqh dalam mengeluarkan hukum. Dalam hal ini umat Islam disarankan menghormati serta meraikan perbezaan pendapat atau *ikhtilaf* dalam tafsiran mazhab-mazhab yang muktabar. Tidak ada satu pandangan yang lebih tinggi daripada yang lain dan tidak semestinya satu-satu pandangan itu wajib diikuti selagi tidak lari dari landasan yang sebenar.

Manifestasi lain dalam wasatiyah adalah mengikuti konsep syura serta muafakat dalam mengurus hal ehwal kemasyarakatan dan kepemimpinan. Mengambil kira pandangan-pandangan orang lain adalah suatu bentuk kesederhanaan dan keadilan, kerana ianya dapat meminimalkan masalah salah guna kuasa dan pecah amanah.

Wasatiyyah menuntut kehidupan yang sederhana, tidak meninggalkan urusan dunia dan kekayaan bagi mereka yang ditakdirkan berada, dan tidak pula menyibukkan diri dengan urusan duniawi sehingga mengabaikan hak-hak Allah dan makhluk. Jika sekiranya dikurniakan rezeki dalam bentuk harta yang melimpah ruah, bukanlah digunakan untuk berfoya-foya atau membuang semua kekayaan atas nama zuhud (yang sudah tentu disalah ertikan) sebagai dua sikap melampau yang bertentangan, tetapi gunakanlah secara bersederhana, iaitu pada jalan kebaikan dan menunaikan hak seperti membayar zakat, menunaikan haji, banyak bersedekah, berwakaf dan sebagainya .

Amalan wasatiyyah juga adalah termasuk mengiktiraf adat budaya setempat atau 'urf kerana dalam perundangan Islam, 'urf diterima sebagai satu sumber sekunder. Kita akan melihat beberapa contohnya selepas ini, iaitu dalam sejarah metodologi dakwah Wali Songo di Kepulauan Jawa pada abad ke 14-16 Masihi.

Begitulah seterusnya dalam semua aspek kehidupan manusia dari sekecil-kecil sehingga sebesar-besar perkara, ciri wasatiah, kesederhanaan atau keseimbangan duniawi ukhrawi mengikut kayu ukuran yang menepati landasan syariat (hukum akal & naqal) mampu memberikan menafaat yang besar bukan sahaja kepada umat Islam, malahan kepada umat manusia keseluruhannya. Ianya merupakan menifestasi Rahmat Allah yang Maha Hebat kerana dapat membawa manusia ke dalam lingkungan keamanan, keharmonian, kesejahteraan, menghapuskan kesusahan dan kepayahan sesuai dengan Firman Allah yang maksudnya:.

*" Dan tidaklah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan sebagai rahmat pada seluruh alam."*

### **Kecemerlangan Dakwah Wali Songo**

*"Jangan cuba melupakan sejarah, kerana ia ibarat seorang guru bijak yang tak bosan memberikan pelajaran yang bermenafaat."*

Begitu banyak pelajaran dan hikmah yang mampu diperolehi daripada pengkajian sejarah, kerana sejarah adalah 'hukum yang hidup'. Kepentingan sejarah terbukti apabila dikira bilangan ayat al Quran sendiri yang lebih banyak menceritakan bab sejarah berbanding hukum-hakam agama. Ianya merujuk kepada iktibar dan teladan yang boleh dipelajari dan diambil daripada sejarah peradaban manusia, kerana formula kekuatan dan kejayaan manusia adalah sama zaman berzaman, begitu juga dengan kesilapan-kesilapan yang dilakukan berulang kali oleh manusia juga sentiasa sama!

Dalam sejarah Islam Nusantara, tentu saja kajian sejarah Walisongo bukan saja harus diketahui, dihayati, perlu sering diulangi kembali kerana manusia itu bersifat pelupa, malahan yang terlebih penting perlu diteladani. Justeru, apakah formula di sebalik rahsia kegemilangan dakwah para wali ini? Formula apakah yang digunakan oleh Wali Songo, sehingga berhasil mengislamkan majoriti masyarakat di Kepulauan Jawa, kekal sehingga ke hari ini dalam lingkungan lebih 200 juta banyaknya.

Di tengah-tengah keributan dan fitnah yang melanda umat Islam masakini, khususnya tentangan pada dakwah Islamiyah yang menjadi kian keras, pembacaan ulang sejarah Wali Songo menjadi sangat penting kerana di sini wujud elemen-elemen 'ubat penawar' kepada berbagai musibah yang melanda umat Islam sejagat, khususnya imej ekstrimisme dan keganasan. Disebabkan wujud berbagai kecelaruan fahaman Islam yang termasuk padanya elemen-elemen ekstrimisme, kita perlu diperingatkan, hatta kembali pada elemen akar umbi dakwah yang termasuk dalam lingkungan Ahlus Sunnah Wal Jama'ah bercirikan sifat ihsan dan wasatiah yang sebenar.

Istilah WALISONGO yang cukup dikenali oleh masyarakat Nusantara, khususnya di Tanah Jawa dari semenjak zaman dahulu lagi bermaksud sembilan orang wali yang gelaran dan nama-nama mereka adalah seperti berikut;

1. **Sunan Gresik** (Maulana Malik Ibrahim)
2. **Sunan Ampel** (Maulana Ahmad Rahmatullah)
3. **Sunan Giri** (Maulana Muhammad Ainulyaqin)

4. **Sunan Bonang** (Maulana Ibrahim)
5. **Sunan Drajat** (Qasim Syarifuddin)
6. **Sunan Kalijaga** (Raden Syahid)
7. **Sunan Kudus** (Jaafar Sadiq)
8. **Sunan Muria** (Umar Said)
9. **Sunan Gunung Jati** (Syarif Hidayatullah)

Wali Songo hidup dan berdakwah di tiga wilayah penting di Tanah Jawa yaitu Surabaya-Gresik-Lamongan di Jawa Timur, Demak-Kudus-Muria di Jawa Tengah serta Cirebon di Jawa Barat Mereka bukanlah hidup dalam era yang sama, bagaimanapun banyak terkait dari segi hubungan kekeluargaan, guru-murid serta dakwah. Yang paling awal diantara mereka adalah Sunan Gresik atau Maulana Malik Ibrahim yang disebut sebagai Pelopor Wali Songo, beliau mangkat dalam tahun 1419 di Gresik (Tuban), bermakna keterlibatannya ahli Wali Songo dalam bidang dakwah telahpun bermula pada akhir abad ke 14 Masihi atau awal abad ke 15 Masihi. Sedangkan yang terakhir diantara mereka yang hidup adalah Sunan Gunung Jati (Syarif Hidayatullah) yang wafat pada tahun 1570 Masihi di Cirebon

Tanpa menidakkan peranan yang dimainkan oleh kader-kader agama yang lain, Wali Songo disebut sebagai para tokoh penggerak islamisasi di Indonesia Lama sehingga terhasil mendirikan kerajaan Islam pertama di Tanah Jawa yaitu Kesultanan Demak pada tahun 1478 Masihi, sehingga berakhirlah riwayat kegemilangan Kerajaan Jawa-Hindu Majapahit. Mereka juga berperanan aktif dalam mengakhiri dominasi Hindu-Budha dalam budaya Nusantara dan digantikan dengan kebudayaan Islam.

Masyarakat Jawa waktu itu yang menganuti agama Hindu-Buddha dengan anutan kebudayaannya yang tinggi berbanding dengan tempat-tempat lain di alam Nusantara merupakan suatu cabaran yang besar bagi para mubaligh Islam. Oleh itu Wali Songo yang cukup terkenal sebagai ulama intelektual yang menjadi pembaharu masyarakat berpendapat perlunya menggembeling tenaga menyusun strategi yang kemas dan teratur bagi menangani apa jua masalah yang datangnya bukan sahaja dari kerajaan kuffar yang terlebih dahulu bertapak di kepulauan Jawa, malahan dari masyarakat tempatan sendiri yang cukup taksub dengan kebudayaan Hindu-Buddha mereka..

Terdapat 3 prinsip dakwah yang dipegang oleh Wali Songo dalam misi penyebaran Islam di Nusantara sehingga berhasil menjadi seperti magnet yang menarik ribuan masyarakat tempatan menjadi penganut agama Islam yang setia. Tiga prinsip dakwah tersebut adalah:

#### **1. al Hikmah (Kebijaksanaan):**

Iaitu mempunyai kebijaksanaan dalam memilih teknik dakwah yang tepat, sesuai, berkesan serta pendekatan kemasyarakatan yang penuh keteladanan. Dalam makna lain, seorang dai'e perlu mempunyai kemampuan untuk mencari apa jua jalan yang sesuai untuk mempengaruhi orang dengan matlamat mendekatkan dirinya kepada Allah SWT, iaitu dgn mengambilkira berbagai aspek spt latarbelakang ideologi, budaya dan resam kehidupan masyarakat yang menjadi sasaran dakwahnya.



Contohnya Sunan Bonang dan Sunan Kalijaga menggunakan instrumen Wayang Kulit, Gamelan serta beberapa irama tradisional untuk berdakwah. Yang mana seni dan budaya merupakan fenomena yang sangat diminati dan meluas pengaruhnya di kalangan masyarakat. Lagu *Tombo Ati* yang telah direkodkan kembali di Indonesia merupakan salah satu karya Sunan Bonang.

Satu lagi sisi kebijaksanaan Wali Songo adalah misi membangun kaderisasi dakwah melalui pendidikan agama yang sistematis dan berkualiti. Dikatakan Wali Songo adalah pengasas sistem pendidikan pondok atau pesantren di Kepulauan Jawa. sekaligus menjadi pendidik generasi pertamanya. Dari sistem pesantren inilah, agama Islam berhasil tersebar ke merata tempat melalui penggembelangan kader-kader agama yang dihantar ke seluruh pelosok Nusantara.

## **2. al-Mau'izha al-Hasanah (Nasihat yang Baik)**

Iaitu mengambil pendekatan dakwah melalui nasihat-nasihat yang baik dan menyejukkan jiwa, mampu menggugah serta meninggikan semangat untuk beramal baik serta menumbuhkan rasa kesedaran dan keinsafan. Pendekatan dakwah sebegini hanya dapat dilaksanakan jika para da'ie mempunyai rasa cinta, jiwa penuh kedamaian, kesantunan dan berlemah-lembut, sehingga tidak perlu merendahkan-rendahkan ataupun menganggap hina kepada sesiapa sahaja.

Upaya mendekati masyarakat dengan akhlak mulia, tanpa memaksa kepada agama Islam atau menghukum, merupakan pendekatan yang diambil oleh Maulana Malik Ibrahim atau Sunan Gresik. Beliau terlebih dahulu mengenalkan dirinya, kemudian secara perlahan-lahan membaur mesra ke dalam masyarakat sehingga yakin dirinya telah menyatu dengan mereka. Setahap demi setahap Sunan Gresik menunjukkan keteladanan dan mula mengajar Islam secara damai tanpa paksaan dan pertumpahan darah.

Wali Songo juga tidak pernah memilih sasaran dakwah, sehingga seluruh lapisan masyarakat mampu mengambil menafaat daripada dakwah mereka, daripada rakyat bawahan sehinggalah kepada golongan bangsawan semua didatangi mereka. Hatta apabila diberikan jawatan sebagai penasihat kerajaan, langsung diambil kesempatan tersebut untuk menyusun gerak-kerja dakwah dan tarbiyah ruhiyyah dengan lebih sistematis dan lancar menggunakan segala jentera kerajaan yang ada sebagaimana yang telah dilakukan oleh Sunan Ampel selaku penasihat kerajaan Islam Demak.

## **3. al-Mujadalah billati hiya ahsan (Berbantah-bantah dengan jalan sebaik-baiknya)**

Iaitu mengambil pendekatan seruan dakwah dengan jalan berdialog, berdiskusi, saling berbahas dan berhujjah dengan cara yang baik.

Firman Allah yang mafhumnya: *“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.”* (An-Nahl: 125)

Dalam misi dakwah pada masyarakat yang belum mengenali kebenaran, kebaikan serta kesejahteraan ajaran Islam, sedangkan rata-rata mereka masih memegang pada kepercayaan-kepercayaan lain yang jumud, syirik dan khurafat dalam berbagai bentuk dan wajah, maka sudah tentu para Wali Songo terpaksa berhadapan dengan pihak-pihak yang ingin berdebat sekaligus mengeluarkan berbagai hujjah atas perbezaan pendapat. Maka, bagaimana Wali Songo menyikapi hal ini?

Oleh kerana Islam adalah agama yang mengajar umatnya untuk berpegang pada hukum akal dan naqal, maka perbincangan yang sihat merupakan jalan terbaik yang dipilih dan ditempuhi oleh para Wali Songo. Syaratnya perbincangan dan perdebatan bukanlah untuk beradu kepandaian atau saling menjatuhkan, tetapi perbincangan dan dialog murni demi menyampaikan kebenaran melalui hujjah-hujjah akliyah yang kuat sehingga mampu diterima oleh lawan bicara. Dalam hal ini, para Wali Songo pun mengajar untuk berlapang dada dalam menerima kenyataan pihak lain jika memang wujud kebenaran di situ.

Yang penting bagaimana kebenaran dapat diungkapkan dengan cara yang bijak, berhikmah serta dimengerti oleh lawan bicara, kerana hikmah adalah sesuatu yang dikukuhkan secara naqli dan akli, menunjukkan makna yang mendalam dan terpelihara daripada kecelaruan, kesalahan dan kerosakan, dan ianya bukan milik eksklusif umat Islam, kerana Rasulullah ﷺ bersabda:

*“Kalimah hikmah adalah barang keciciran (suatu yang hilang), seseorang mukmin, maka di mana sahaja dia mendapatkannya maka dia lebih berhak ke atasnya”.*

Hal ini pernah dicontohkan oleh Sunan Kalijaga terhadap para tokoh yang dengan gigih dan keras menentang dakwah Islamiyah. Mereka disantuni secara khusus, dihubungi secara istimewa, langsung bertemu secara peribadi sekaligus bertukar-tukar fikiran sambil diberikan keterangan, pemahaman dan perenungan (tadzkir) tentang Islam. Sehingga akhirnya dengan izin Allah swt jua, pihak lawan bicara langsung terbuka hatinya untuk menerima Islam dengan penuh keikhlasan, malahan belakangan gigih bergabung dalam dakwah Sunan Kalijaga.

## **Kesimpulan**

Lintas sejarah dakwah Wali Song memperlihatkan bahawa kejayaan mereka adalah kerana ketekunan dalam meneladani prinsip dakwah yang dibawa oleh Rasulullah ﷺ sendiri, yang mana baginda merupakan ‘al Quran yang hidup’, sehingga model dakwah Rasulullah ﷺ sendiri menepati ciri kesempurnaan bersumber daripada wahyu Allah swt sendiri yakni pada surah an-Nahl: 25, iaitu *al-hikmah* (kebijaksanaan), *mau’izah* (nasihat yang baik) serta *al mujadalah billati hiya ahsan* (berbantah-bantahan dengan jalan sebaiknya).

Maka dalam menyampaikan dakwahnya, Wali Songo sering mendahulukan aspek akhlak mulia yang mampu diteladani ummah, memberikan nasihat dalam kesantunan dan kelembutan. Sabar merupakan aset paling penting dalam misi dakwah Wali Songo dengan pendekatan dakwah dan pendidikan agama yang bertahap bagi menjamin fondasi atau akar keimanan masyarakat dapat ditancap sekukuhnya.

Apabila wujud keperluan untuk berdebat, maka terus dibingkai dalam suasana yang baik dan mesra, bukan untuk saling menjatuhkan atau menunjukkan kehandalan, tetapi untuk mengungkap kebenaran dengan hujjah ilmu dan akal yang kukuh. Selain itu, Wali Songo juga memahami peranan media yang sesuai sebagai alat berdakwah, maka mereka tak canggung untuk menfaatkan media seni dan budaya yang merupakan fenomena masyarakat zaman itu sehingga mampu menjinakkan emosi rakyat dalam lingkungan spiritual.

## **Ringkasan Kesultanan Melaka**

Berbeza dengan pengalaman masyarakat di Kepulauan Jawa yang mana ianya banyak digerakkan pada peringkat awalnya oleh dakwah para ulama Wali Songo tanpa banyak melibatkan kerjasama erat daripada golongan istana (kecuali setelah terdirinya kerajaan Islam Demak dan yang lain), pengalaman Kesultanan Melaka dari awal lagi telah melibatkan gandingan ulama-umara yang mantap sehingga gerakan dakwah dan pendidikan Islam menjadi sangat lancar, tersusun dan berkesan. Antara sultan yang aktif secara langsung dalam kegiatan agama Islam di Melaka adalah Sultan Muhammad Syah, Sultan Muzaffar Syah, Sultan Alauddin Riayat Syah, Sultan Mansur Syah dan Sultan Mahmud Syah.

Kesultanan Melayu Melaka merupakan sebuah kuasa maritim besar dunia yang menyaingi pelabuhan Venice di Eropah, malah pernah menjulang peradaban dan ketamadunan Islam yang tinggi, menjadi pusat ilmu, dakwah dan tarbiyah islamiyyah yang paling penting di rantau ini. Ia merupakan kerajaan Melayu yang besar lagi kaya, meliputi bukan sahaja Semenanjung Tanah Melayu, termasuk Singapura tetapi juga beberapa wilayah di Pantai Timur Sumatera seperti Indragiri, Siantan, Kampar dan Siak. Malahan beberapa negeri yang dahulunya berada di bawah jajahan Siam dan Majapahit seperti Bernam, Kelang, Selangor, Sungai Ujung, Kedah dan Patani telah memohon nobat dari Melaka. Pada zaman itu, nobat bererti menerima ketuanan Melaka.

Kesultanan Melaka diakui sebagai kerajaan yang menyumbang jasa yang besar sebagai pusat penyebaran dan pendidikan Islam di Alam Melayu. Contohnya, perkembangan Islam di Negeri Sembilan adalah atas pengaruh kesultanan Melaka, dimana Bendahara Tun Perak (1423-1446M) yang memiliki Sungai Ujung menggunakan saluran ini bagi perkembangan Islam ke jajahan-jajahan lain di negeri itu. Bendahara Tun Perak juga menggunakan kaedah yang sama dalam meluaskan Islam di Selangor melalui daerah Kelang yang juga adalah miliknya.

Di Pahang, batu nisan Sultan Muhammad, sultan pertamanya yang ditemui menunjukkan tarikh kemangkatan baginda dalam tahun 1475M. Sultan Muhammad merupakan putera kepada Sultan Mansor Syah Melaka. Ini menunjukkan bahawa kemasukan Islam ke Pahang berlaku sekitar abad ke-15M. Islam juga telah diperluaskan di negeri Kelantan pada abad ke 15 M melalui pengislaman keluarga diraja mereka di tangan pemerintah Melaka.

Sultan Mahmud Syah yang memerintah Melaka dari tahun 1488-1511M terpaksa berundur akibat tewasnya Melaka di tangan Portugis, lalu pergi ke Johor, dan

mendirikan kerajaannya di sana pula. Dengan demikian, kemasukan agama Islam ke negeri Johor adalah merupakan kesinambungan daripada pengislaman Melaka. Islam tersebar ke negeri Perak pula melalui pertolongan yang diberikan oleh Sultan Mahmud Syah kepada Raja Beruas dari serangan musuhnya, Manjung. Kemudian saudara perempuan Raja Beruas telah dikahwinkan dengan seorang pembesar Melaka. Di sinilah mulanya penyebaran Islam di Perak pada penghujung abad ke-15M.

Ringkasnya, apabila kerajaan-kerajaan kecil mengambil nobat dari Melaka, gagasan Melayu-Islam yang dicorakkan oleh Kesultanan Melayu Melaka dijadikan dasar serta pegangan mereka. Maka peringkat demi peringkat pentakrifan Melayu yang asalnya dimaksudkan sebagai kaum dari beberapa wilayah di Alam Melayu termasuk Jambi dan Palembang kemudiannya telah berkembang dan bertukar menjadi suatu takrifan budaya, meliputi berbagai etnik seperti Melayu-Brunei, Melayu-Bugis, Melayu-Acheh, Melayu-Minang, Melayu-Pattani, Melayu-Sulu, Melayu-Betawi, Melayu-Banjar dan sebagainya, sebagai rumpun bangsa Melayu yang mencakupi seluruh Alam Melayu berpasak kepada tiga ciri dasar iaitu **'Beragama Islam, Berbahasa Melayu dan Beradat Istiadat Melayu.'**

Istilah Melayu pada takrifan budaya yang terjelma pada awalnya dalam Kesultanan Melaka ini terus berkembang sejajar proses islamisasi Alam Melayu dengan kemuncaknya pada abad ke 17-18 M dengan penulisan beribu-ribu kitab agama menurut jalur Tauhid Imam Asy'ariee & Maturidi, Fiqh Imam Syafiee, serta ilmu Tasawuf yang bersumber dari ajaran Imam Ghazali, Imam Ibn Atoillah, Imam Abdullah al-Haddad, Syeikh Abdul Qadir Jailani dan yang seumpama mereka.

Alim-ulama Alam Melayu yang kemudian seperti Maulana Makhdum Ibrahim (Sunan Bonang), Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatoni, Syeikh Abdus Samad al-Falembani, Syeikh Abdul Rauf ibn Ali al-Fansuri, Syeikh Hamzah al-Fansuri, Syeikh Uthman Jalaluddin dan ramai lagi adalah alim-ulama Alam Melayu yang menulis kitab-kitab rujukan/cabangan bersempena kitab-kitab induk daripada imam-imam besar seperti di atas.

Maka alim-ulama serta tok-tok guru ini memainkan peranan yang amat penting dalam mendidik serta membentuk minda, aliran pemikiran, kejiwaan dan gerak-kerja masyarakat Melayu seNusantara, termasuklah dalam amalan-amalan seperti bertahlil, bertalkin, bermaulid, beratib, bermarhaban, berhaul, bersuluk, bertawassul, bertabbaruk, memuliakan wali-wali dan ahlul bait Nabi ﷺ, taat pada raja, ibubapa dan guru, serta banyak lagi.

Bahasa Melayu sebagai elemen kedua yang membentuk ciri kemelayuan serumpun, adalah dimaksudkan sebagai bahasa Melayu Melaka atau Klasik, dengan tulisan Jawi, kemudian diwarisi pula oleh Kesultanan Melayu Johor-Riau sebagai pewaris Melaka, sehingga Bahasa Melayu terbit sebagai bahasa *lingua franca* di rantau ini.

Elemen ketiga iaitu beradat istiadat Melayu menjadi satu lagi ciri kemelayuan serumpun, yang pada asalnya banyak mengikut acuan adat-istiadat Kesultanan Melayu Melaka dengan kebelenturannya yang tersendiri. Makna kata adat istiadat yang

diambil dari Kesultanan Melayu Melaka ini boleh diubahsuai mengikut faktor-faktor tempatan bagi kesultanan-kesultanan yang lain di rantau ini.

Bermakna adat Melayu Melaka boleh diadaptasikan di alam Melayu Minangkabau, di alam Melayu Bugis, di alam Melayu Pattani, di alam Melayu Kelantan, di alam Melayu Brunei, di alam Melayu Aceh, di alam Melayu Palembang dan sebagainya sehingga seseorang dapat melihat kesamaan ciri-ciri adat Melayu pada etnik-etnik serumpun di atas, namun tetap dapat dibezakan diantara satu dengan yang lain. Malah akhirnya ditanggalkan terus kalimat usul-asal geografi, dirujuk saja sebagai 'orang Melayu', yang sinonim terkait dengan sesiapa sahaja dari Alam Melayu ini yang memakai unsur jatidiri dan identiti '*Beragama Islam, Berbahasa Melayu dan Beradat Istiadat Melayu*', dengan menjadikan Melaka sebagai rujukan peradaban.

Kesimpulannya, Kesultanan Melaka bukan sahaja pernah menjadi salah sebuah kuasa maritim terbesar dunia yang menyaingi pelabuhan Venice di Eropah, malah menjulang peradaban dan ketamadunan Islam yang tinggi, menjadi pusat ilmu dan dakwah yang paling penting di rantau ini.

Bahkan Melaka dilihat sebagai *highly cultured*, sehingga menjadi impian kerajaan-kerajaan kecil di sekelilingnya, bukan sahaja untuk mengambil nobat Melaka, malahan mengambil sekali elemen-elemen yang menjadikan Melaka gah dan hebat seperti bahasanya, faham agamanya, sistem pentadbiran dan perundangannya serta adat istiadatnya. Rujuk pada kenyataan yang dibuat oleh seorang orientalis barat tentang Kesultanan Melaka:

*"... kerana Melaka sebuah kerajaan penakluk yang mempunyai jajahan-jajahan yang luas merangkumi wilayah-wilayah di utara hingga ke negeri-negeri perlindungan di selatan, ia tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa, Melaka merupakan pemangkin bagi tamadun budaya yang banyak meresap ke kebanyakan Kepulauan Melayu. Melaka telah menjadi penanda aras bagi Kesultanan-Kesultanan Melayu yang lainnya dari segi kesusasteraan, kerajaan (kanun-kanun negeri masing-masing banyak diubahsuai dari Melaka), seni-seni muzik dan tarian dan juga dari segi makanan. Perkara ini telah memeranjatkan pihak Portugis, apabila diperhatikan pengaruh Melaka pada Sumatra; hampir semua golongan elit bertutur di dalam Bahasa Melayu Melaka dan mereka menjunjung Adat Melaka dan ia telah digunapakai sebagai takrif bangsa Melayu serta adab dan budipekerti seorang yang sempurna. Pengamalan Agama Islam pun diukur dari tanda aras yang digunakan di Melaka. Walaupun Samudera-Pasai serta Aceh mempunyai jajahan dan pengaruh Islamnya yang tersendiri, Melakalah yang meletakkan jatidiri dan identiti Bangsa Melayu hingga melahirkan ungkapan 'Melayu itu Islam', dan memeluk Agama Islam itu bererti 'Masuk Melayu'<sup>2</sup>".*

Kenyataan di atas merupakan suatu pengesahan ilmiah tentang peranan sultan-sultan Melaka yang berhasil memperluaskan ruanglingkup makna yang tersirat di sebalik kalimah 'Melayu Melaka'. Iaitu dari asal muasalnya ditakrifkan sebagai suatu kaum, Melayu, yang berkerajaan kecil di Bukit Siguntang dalam wilayah Palembang, Sumatera, berubah menjadi suatu konsep, ide, gagasan yang mengikat berbagai kaum di rantau ini dalam satu ikatan agama dan budaya yang mana pusat rujukan dan induk asalnya adalah Kesultanan Melayu Melaka.

---

<sup>2</sup>John L Esposito, *Oxford History of Islam*, Oxford University Press 1999, hlm 426

Sehingga hari ini pun, dalam konteks Perlembagaan Negara Malaysia (Perkara 160), Melayu tetap ditakrifkan begitu, bukan dalam konteks perkauman suku kaum yang sempit tetapi dalam ikatan agama budaya yang didefinisikan sebagai *'beragama Islam, berbahasa Melayu & lazim beradat istiadat Melayu'*<sup>3</sup>.

Maka zaman Kesultanan Melaka disebutkan sebagai zaman emas dalam sejarah Melayu, berperanan sebagai pusat ketamadunan dan peradaban yang terunggul di rantau ini sehingga menjadi lambang kesedaran kebangsaan (*national consciousness*) yang amat berwibawa. Keagungan dan kegemilangan Kesultanan Melaka tetap bersemadi dalam ingatan kolektif orang-orang Melayu sehingga hari ini dan terpendam hasrat serta cita-cita yang besar untuk mengembalikan jatiri, identiti dan budaya kemelayuan unggul sebagaimana yang pernah berlaku di zaman Melaka

### **Islam Dalam Kesultanan Melaka**

Sejarah latarbelakang Kesultanan Melayu Melaka adalah dikaitkan dengan kerajaan etnik Melayu pra-Islam di wilayah Palembang, Sumatera, yang mana belakngan warisnya muncul di bumi Melaka lalu membina kerajaannya di situ. Selepas pengislaman Parameswara yang mengambil gelaran Sultan Iskandar Syah, bermulalah era kemunculan para mubaligh, khususnya alim-ulama sufi dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Kedatangan Islam telah memulakan proses perubahan yang besar kepada falsafah, struktur, adat, budaya, sosio-politik, jatidiri, mentaliti, pandangan alam dan kejiwaan masyarakat Melayu dengan memalingkan daripada kehidupan sebelumnya yang menganuti kepercayaan animisme serta Hindu-Buddha, yakni yang berpegang kepada soal mistikal, semangat, dewa-dewi serta lain-lain kepercayaan syirik dan khurafat, kepada suatu kepercayaan baru yang berpaksikan konsep Tauhid, yakni Allah sebagai Pencipta alam dan makhluk, yang Maha Esa, segala-galanya bersumber daripadaNya.

Malahan berbagai ajaran serta amalan baru yang berteraskan unsur-unsur Tauhid, Syariat dan Tasawuf@Ihsan telah diperkenalkan yang bukan sahaja berhasil mengembang serta memperkayakan perbendaharaan bahasa Melayu Klasik@Jawi, malahan diterjemah dalam rupa bentuk, sistem dan struktur-struktur masyarakat, selain menjadikan kebanyakan adat budaya Melayu bersendi kitabullah.

Malahan sesetengah daripada apa yang dibawa oleh alim-ulama sufi ini adalah pengajaran-pengajaran yang dibawa hasil daripada pengalaman baik buruk dunia Islam di Timur Tengah dan Eropah yang dapat dijadikan iktibar dan tauladan kepada

---

<sup>3</sup> Dalam Perlembagaan Malaysia Perkara 160, ditambah *"Seseorang yang mendakwa dirinya Melayu hendaklah membuktikan juga bahawa dia lahir samada di Persekutuan atau di Singapura sebelum hari Merdeka atau dapat membuktikan bahawa dia adalah anak kepada ibu atau bapanya yang lahir di Persekutuan atau di Singapura sebelum Merdeka."*

perkembangan *Fiqh Siyasi* dalam Kesultanan Melayu Melaka yang baru sahaja lahir sebagai salah satu dari mata rantai kerajaan-kerajaan Islam sedunia<sup>4</sup>.

Antara ulama yang berjasa adalah Sayyid Abdul Aziz yang mengislamkan Raja Kecil Besar dengan mengambil nama Sultan Muhammad Shah, juga telah menjadi guru agama peribadi kepada baginda selama lapan tahun<sup>5</sup>. Anaknya yang bernama Sayyid Yusuff (kemudiannya menjadi Maulana Yusuff) dan cucunya yang bernama Sayyid Menawar telah dilantik sebagai Kadhi Melaka.

Kedua-dua anak dan cucu Sayyid Abdul Aziz ini telah berkesempatan membimbing dan menjadi penasihat kepada hampir kesemua pemerintah Melaka seperti Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansur Syah, Sultan Alauddin Riayat Syah dan Sultan Mahmud Syah I. Ini merupakan suatu tempuh panjang yang mampu meninggalkan pengaruh serta warisan ketamadunan dan peradaban Melayu berpasak ketauhidan sebagai teras pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

Maulana Sadar Jahan, Maulana Abu Bakar, Maulana Jalaluddin, Syarif Muhammad Kabungsuwan, Karim al-Makhdum dan Sultanul Arifin Syekh Ismail juga antara nama alim-ulama yang membimbing sultan-sultan Melaka. Malah golongan bangsawan dan anak-anak raja dititahkan untuk mengaji agama pada alim-ulama Melaka.

Kefahaman Islam yang diajarkan dalam Kesultanan Melayu Melaka adalah pada fahaman Ahlus Sunnah wal Jamaah. Ini berikutan pengislaman Parameswara di tangan ulama sufi Pasai, selain hubungan kekeluargaan diraja Melaka dengan Pasai yang diketahui mengambil ajaran Fiqh Mazhab Syafiee dan menjadi pusat rujukan keagamaan bagi Melaka. Pengislaman Raja Kecil Besar di tangan Sayyid Abdul Aziz yang dihantar oleh Syarif Mekah (pendokong fahaman Ahlus Sunnah wal Jamaah) juga merujuk kepada fahaman agama dari golongan ahlussunnah dalam Kesultanan Melaka. Malah alim-ulama di Melaka juga mengajar kitab Tauhid Makrifat.

Perundangan Melaka juga digubal mengikut undang-undang syariat dan undang-undang adat<sup>6</sup>. Dalam zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, baginda memperkenalkan Hukum Kanun Melaka yang mengandungi 44 Fasal, antaranya meliputi persoalan adat berpakaian raja, bahasa segala raja-raja<sup>7</sup>, perkara yang dilarang orang biasa semasa pengkebumian, kesalahan yang boleh dijatuhkan hukum bunuh, orang yang mengamuk, membunuh hamba raja, orang yang mengganggu isteri orang, menyembunyikan dan melarikan hamba, hukum tuduh menuduh yang tidak

---

<sup>4</sup> Peranan yang dimainkan oleh alim-ulama sufi dari Tanah Arab, India dan Parsi, yang bersifat 'rahmatan & salaman', penuh ihsan, menusuk kalbu, berhikmah serta halus dan berseni telah berhasil membentuk identiti serta jatidiri bangsa Melayu yang lembut, serba sederhana dan bersifat 'kejiwa-jiwaan'.

<sup>5</sup> Sumber tempatan menyatakan pesantren pertama Melaka telah dibuka oleh Sayyid Abdul Aziz di sebuah tempat bernama Upih, sekarang menjadi Tengkeru. Masjid Tengkeru adalah salah satu masjid tertua di Melaka.

<sup>6</sup> Hukum Syariat dan Hukum Adat Melaka menyerupai sistem perundangan Daulah Othmaniyyah di Istanbul yang menggunakan istilah Kanun Shar'i dan Kanun 'Urfi. Kanun Shar'i berlandaskan kepada tekstual (wahyu), manakala Kanun 'Urfi dituliskan oleh para khalifah Othmaniyyah setelah dipersetujui oleh para ulama bagi memudahkan pengurusan dan pentadbiran kerajaan.

<sup>7</sup> Hukum Kanun Melaka mengatakan Hukum Adat Melaka diambil dari zaman Sultan Iskandar Zulkarnain yang disebut sebagai nenek moyang kepada Raja-raja Melayu Melaka.

bersaksi, hukum pertunangan, undang-undang tanah, denda yang dikenakan ke atas anak raja dan banyak lagi.

Pengaruh Islam amat jelas dalam Hukum Kanun Melaka, antaranya hukum mengenai wali, saksi, talak, zina, minum arak, merogol dan berhutang. Misalnya si pencuri, jika sabit kesalahannya akan dipotong tangan, dan sesiapa yang melakukan zina akan dihukum sebat seratus kali atau dihukum rejam dengan batu sampai mati<sup>8</sup> (HKM Fasal 7:2 dan 12:2).

Salah satu ciri khas Hukum Kanun Melaka adalah wujud di dalamnya istilah 'malu' atau 'aib'. Ternyata penghukuman moral adalah sangat efektif. Orang Melayu takut merasa malu di hadapan orang lain. Jelas dalam era Kesultanan Melaka, Islam telah mempengaruhi pelbagai bidang kehidupan termasuk sistem kerajaan, perkahwinan, pengkebumian, pemilik hartanah, pewarisan dan sebagainya.

### **Contoh Wasatiyah Dalam Kesultanan Melaka**

Kesultanan Melaka merupakan suatu contoh terbaik bagaimana ciri wasatiyah telah diamalkan dalam pemerintahan para sultannya. Sebagaimananya sewajarnya bagi sebuah daulah yang mengambil fahaman Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang sudah tentu akan melahirkan peradaban wasatiyah, lintas sejarah perkembangan Kesultanan Melaka mampu membuktikan wujudnya elemen ini pada berbagai sisi kehidupan masyarakat dari berbagai lapisan. Antara contohnya adalah seperti berikut:

#### **i. Memajukan ekonomi Islam melalui pelabuhan dagangan Melaka**

Kemakmuran Melaka sebagai sebuah pelabuhan maritim bertaraf dunia waktu itu telah dicatatkan dari berbagai sumber timur dan barat. Disebutkan wujud berbagai bangsa di Kota Melaka yang hidup dalam suasana damai, sejahtera dan harmoni. Selain orang-orang Melayu sendiri, yang lain adalah kaum Arab, Cina, India, Parsi, Siam, Bengali, Gujerati, malah orang-orang Armenia dan Yahudi. Gujerati menjadi rakan perdagangan Melaka yang utama pada waktu itu. Perkara ini membuktikan bahawa pada era kegemilangan kesultanan Melaka, kota ini merupakan sebuah emporium perdagangan dan kosmopolitan bertaraf antarabangsa.

Dengan kehadiran ramai bangsa-bangsa luar yang bermastautin dan berniaga di kota Melaka, bahasa Melayu telah tersebar bukan sahaja di Alam Melayu malah pada kerajaan-kerajaan lain di dunia. Bahasa ini menjadi elemen penyatuan penting waktu itu memandangkan terdapat lebih kurang 59 suku kaum, puak dan bangsa yang bertutur sebanyak 84 bahasa di pelabuhan Melaka.

Selain perdagangan, faktor Islamisasi masyarakat serta penyebaran Islam di rantau ini juga menjadi sebab berkembangnya kepentingan bahasa Melayu. Penyebaran Islam merupakan salah satu aras tanda yang memajukan perkembangan perdagangan di kawasan ini. Dinamika ini menyebabkan terjadinya penyebaran dan

---

<sup>8</sup> Kesultanan Pahang dan Brunei merupakan dua kesultanan Melayu yang menggazetkan perundangan negeri dengan mengambil Hukum Kanun Melaka sebagai rujukan dan panduan.



penggunaan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* dan bahasa pengantar Alam Melayu termasuk bahasa pendidikan Islam.

Menurutnya JVC Leur : *“Thanks to them, the Malay became the lingua franca of the archipelago and in addition, they must have been partly responsible for the spread of Islam.”*

Bahasa Melayu bukan sahaja dipertuturkan di pelabuhan Melaka dan pelabuhan-pelabuhan di Alam Melayu, malah dipertuturkan juga di pelabuhan-pelabuhan besar dunia seperti di Kaherah, Cambay, Ormus dan Venice. Tidak hairan jika kedengaran bahasa ini dipertuturkan di pelabuhan Venice, iaitu pelabuhan yang paling sibuk menghubungi Eropah dan Timur.

Bahasa Melayu menjadi bahasa *lingua franca* yang membolehkan integrasi sosial wujud dengan begitu kukuh. Setiap pedagang yang datang ke Melaka termasuk dari golongan yang bukan Muslim perlu belajar menggunakan bahasa tersebut dalam syarikat-syarikat mereka bagi membolehkan mereka berdagang dengan bebas dan mengaut keuntungan yang banyak. Mereka juga menggunakan khidmat orang-orang Melayu tempatan sebagai para pegawai dan wakil-wakil mereka, keadaan ini disahkan dalam kitab *Hukum Kanun Melaka*. Di sini sudah cukup memperlihatkan sikap kerjasama dan toleransi yang baik di antara kaum-kaum dari berbagai negara dunia yang sama-sama mencari rezeki di pelabuhan Melaka. Keadaan ini tidak mungkin terjadi jikalau tidak disebabkan dasar kerajaan Melaka yang bercirikan wasatiah.

Kesimpulannya, dasar mengalu-alukan kedatangan para pedagang dari seluruh dunia, yang Islam dan bukan Islam, dengan layanan yang baik dan keadaan negara yang aman damai sudah tentu menjadi faktor penting disebalik kegemilangan Melaka sebagai sebuah kerajaan Islam yang kaya, maju dan makmur sehingga terkenal di seluruh dunia.

## **2. Hubungan diplomasi Raja Melaka**

Melaka terkenal dengan seorang tokoh bangsawan yang bijaksana, bergelar Bendahara Paduka Raja Tun Perak. Beliau disebut sebagai antara tokoh menteri yang paling hebat dan berpengaruh di Nusantara. Sebelum Tun Perak menjadi bendahara Melaka, kerajaan tersebut mempunyai banyak musuh termasuk kerajaan Siam di sebelah utara dan empayar Majapahit di Kepulauan Jawa.

Setelah kenaikan Tun Perak sebagai bendahara Melaka, beliau sering menasihatkan Sultan Mansur untuk mengambil langkah berbaik-baik dengan semua kerajaan yang dahulunya berseteru dan sering mengancam Melaka dengan peperangan. Berkat nasihat bersumber kebijaksanaan Tun Perak yang mengambil dasar politik *“daripada banyak seteru, lebih baik banyak bersahabat”*, Sultan Mansur Shah telah berkahwin dengan puteri Majapahit, puteri Maharaja China dan mengahwinkan puteranya Raja Hussein (kemudian menjadi Sultan Alauddin Riayat Syah) dengan puteri Khalifah Othmaniyyah.

Menurut catatan Tome Pires dalam *Suma Oriental*:

*“Mamsursa (Mansur Shah) mula memerintah dengan bijaksana di atas kerajaannya, bermesyuarat dengan orang-orang tua untuk pemerintahan yang baik dalam perkara-perkara keadilan serta keselamatan negeri; baginda menyatukan rakyatnya*

*“ Baginda mengambil semua puteri-puteri yang cantik-cantik daripada saudagar-saudagar Parsi dan Keling, dan menjadikan gundik baginda, mengislamkan mereka sebelum kahwin, dan mengahwinkan pula mereka dengan anak-anak menteri dan disertakan emas kahwin; dan adat perkahwinan berlainan kaum tidak menghairankan di Melaka”.*

Dasar ‘perkahwinan politik’ ini telah menatijahkan hasil yang lumayan, di mana Melaka tidak lagi diganggu gugat oleh seteru tradisinya, malah atas ikatan perkahwinan dengan puteri Maharaja China juga telah menyebabkan China sendiri memberikan jaminan perlindungan pada Kesultanan Melaka atas hubungan kekeluargaan.

Satu lagi dasar yang diambil oleh pemerintah Melaka ialah menghantar utusan diplomatik ke berbagai negara di dunia. *Hikayat Hang Tuah* merujuk Laksamana Hang Tuah sebagai hulubalang Melaka yang terkenal bukan sahaja sebagai tokoh pahlawan Melayu yang hebat, bijaksana dan bersahsiah tinggi, malah bakatnya menguasai berbagai bahasa yang dipelajarinya daripada guru India, China, Jawa, Siam dan sebagainya, sehingga dilantik sebagai ketua utusan dalam berbagai misi diplomatik di luar negara. Antara kerajaan dunia yang dihantar Laksamana Hang Tuah dan angkatannya adalah Siam, China, India, Jepun dan kerajaan Turki Othmaniyyah. Dikatakan Hang Tuah juga sempat mengerjakan haji di Mekah sekaligus menziarahi makam Rasulullah saw dan para sahabat baginda di Madinah.

Natijah daripada hubungan diplomasi ini telah menyebabkan Melaka mempunyai ramai sahabat dari kerajaan-kerajaan dunia yang masyur waktu itu. Dalam era inilah, bintang Melaka menjadi sangat gemilang dan bergemerlapan, menjadi sebuah kota metropolitan dengan masyarakat majmuk, didatangi para pedagang dan utusan dari seluruh pelosok dunia yang merasa aman dan sejahtera. Hanya selepas kedatangan agresor Barat, khususnya Portugis bermula tahun 1509 Masihi dengan misi melumpuhkan kekuatan Melaka yang dilihat sebagai sumber kekuatan ekonomi umat Islam sejagat waktu itu, sehingga berhasil memerangi dan menjarah kota Melaka, barulah bintang Melaka mulai malap.

### **3. Kebijaksanaan dalam mengurus dakwah**

Sebagaimana Wali Songo, kebijaksanaan dalam mengurus dakwah islamiyyah menjadi dasar yang dititik beratkan oleh alim-ulama di Melaka. Maka jikalau Sunan Bonang dan Sunan Kalijaga menggunakan seni dan budaya untuk berdakwah, alim-ulama Melaka pula menyumbang kepada penciptaan bahasa yang baru sebagai bahasa pengantar untuk menyebarkan Islam. Bahasa yang dimaksudkan itu adalah bahasa Melayu klasik dengan tulisan Jawi, yang mana bahasa Melayu Klasik didasari asalnya daripada bahasa Melayu Kuno.

Berbeza dengan bahasa Nusantara lain yang utama, seperti bahasa Jawa Kuno & Sanskrit, bahasa Melayu Klasik dipilih kerana bahasa ini tidak mengambil peranan

penting sebagai bahasa agama, sastera dan estetik dalam kepercayaan Hindu Buddha, menjadikan usaha untuk menyerapkan 'roh Islam' serta istilah-istilah baru ke dalamnya dapat dipermudahkan, lalu berkembanglah menjadi bahasa Melayu Klasik@Bahasa Jawi.

Seseorang yang dapat menguasai bahasa Melayu Klasik dengan tulisan Jawi akan mampu memahami falsafah, prinsip dan ajaran-ajaran agama Islam yang syumul, mencakupi persoalan zahir batin, alam nyata dan alam ghaib termasuk persoalan hidup mati, dengan maksud untuk dapat menghayati serta melaksanakan ilmu-ilmu agama yang dipelajari dengan baik, lancar dan berkesan.

Antara perkataan-perkataan bahasa Melayu Kuno yang telah dimaknai dengan kefahaman Islam adalah puasa, suci, sabda, syurga, neraka, sembahyang, mata hati, dosa, pahala dan sebagainya. Sementara kalimah-kalimah daripada bahasa Arab yang dimasukkan terus ke dalam sungai perbendahara bahasa Melayu Klasik adalah seperti zat, baqa', fana', ghaib, waraq, taqwa, qabul, roh, wujud, sedeqah dan banyak lagi.

Dengan terciptanya bahasa Melayu Klasik tulisan Jawi (yang menghampiri bahasa al-Quran) bukan sahaja menjadi bahasa pengantar untuk perkembangan dakwah islamiyah ke seluruh pelosok Nusantara, malahan sebagai mekanisme pendidikan Islam, bahasa ini juga telah berhasil menyumbang dalam pembentukan serta pembangunan jatidiri dan keperibadian masyarakat Melayu Nusantara.

Sebagaimana Wali Songo menggunakan jalan seni budaya untuk mendidik masyarakat Jawa, alim-ulama Melaka menggunakan jalan mencipta bahasa perbidalan dan peribahasa sebagai alat yang berkesan untuk menzahirkan konsep-konsep abstrak yang tinggi, mengikut pengalaman, kehidupan dan pakaian suku-suku bangsa Melayu. Konsep-konsep yang abstrak dan tinggi ini di amkan dengan penggunaan istilah-istilah tertentu bagi keperluan membimbing masyarakat kepada konsep-konsep Islam mahupun nilai-nilai, akhlak dan peradaban yang tinggi, murni dan mulia. Sehingga perkara ini menjadi faham dan resam yang dikongsi bersama oleh suku-suku bangsa Melayu Nusantara.

Umum mengetahui bahawa Peribahasa merupakan susunan perkataan pendek yang mempunyai maksud tertentu, digunakan untuk memberi pengajaran atau teguran dengan cara yang sopan serta halus. Dalam lain makna, pada peribahasa terkandung elemen yang tersurat dan yang tersirat. Yang tersurat adalah 'wajah Melayunya', dan yang tersirat adalah ajaran Islamnya khususnya perkara adab dan akhlak mulia. Antara contoh:

Jangan bercermin di air keruh.

(Islam mengajar mengambil ilmu biarlah dari guru yang benar)

Bumi mana tidak ditimpa hujan.

(Islam mengajar bahawa di dunia ini ada masa Allah akan menguji hamba-hambaNya)

Habis akal baru bertawakkal.

(Islam mengajar kita untuk berikhtiar dahulu, kemudian baru bertawakkal)

Cubit peha kiri peha kanan terasa.  
(Islam mengajar ummah itu spt sebadan, sakit satu anggota, sakit semua)

Ikut resmi padi, makin berisi semakin tunduk.  
(Islam kata semakin berilmu, semakin bertawadhu')

Bagai menarik rambut di tepung, rambut dapat, tepung tidak berselerak.  
(Islam sangat menekankan perkara adab, akhlak dan hikmah)

Biar lambat asal selamat.  
(Islam kata bersabar, di hujung kesabaran adalah kejayaan)

Lagi nasihat daripada nenek moyang kita dahulu:  
*'Pakaian Anak Melayu'*

1. Tahu asal mula jadi, tahu berpegang pada Yang Satu.
2. Tahu membalas budi.
3. Tahukan bodoh diri.
4. Tahu diri.
5. Menang dalam kalah.
6. Tahukan malu.
7. Merendah menjunjung tuah..
8. Berbaik sangka.
9. Sifat Yang Pucuk.

Dan ini kepantangan leluhur kita:  
*'Pantangan Anak Melayu'*

1. Membelakangi syarak
2. Durhaka kepada orang tua
3. Membuang adat lembaga
4. Berlengah-lengah
5. Makan menghabiskan (makan tak ingat orang belakang)
6. Bercabang lidah
7. Bermegah-megah
8. Membabi buta
9. Lupakan hutang
10. Berburuk sangka
11. Muka tebal atau tebal muka
12. Mencampakkan beban di bahu
13. Menggunting dalam lipatan
14. Menjala angin (pekerjaan sia-sia)

Nilai-nilai kemelayuan yang dibentangkan di atas merupakan olahan daripada tuntutan agama Islam terhadap individu. Ia juga menggambarkan jatidiri Melayu yang murni & mantap.

Kesimpulannya, pendidikan masyarakat Nusantara melalui mekanisme bahasa Melayu Klasik tulisan Jawi telah berhasil mencetuskan umat Islam rantau ini yang berilmu, berliterasi tinggi dan cerdas sehingga mencetuskan zaman kegemilangan kesusasteraan sekaligus intelektualisme rumpun Melayu Nusantara bermula daripada zaman Kesultanan Melayu Melaka dan kesultanan-kesultanan lain yang terbit sezaman dengannya. Sehingga lahirlah penulisan-penulisan dan karya-karya yang berpuluh-puluh ribu jumlahnya, terhimpun padanya banyak ilmu-ilmu yang bermanfaat seperti Ilmu Usuluddin, Sejarah, Adab, Tatanegara, Perubatan, Perang, Tasawuf dsbnya. Malahan terkandung juga petua-petua mujarab serta rahsia kekuatan rumpun Melayu Nusantara.

Dengan penulisan kitab-kitab Melayu Klasik dalam tulisan Jawi yang disebut sebagai kitab kuning atau kitab turath ini, telah berhasil melahirkan masyarakat Nusantara dengan roh dan jiwa keislaman yang kental selain berperadaban tinggi, halus dan mulia sehingga terungkap kata hikmah '*Bahasa Jiwa Bangsa*'.

## **Kesimpulan**

Agama Islam diasaskan atas dasar ilmu dan akal yang sihat, bukan retorik atau emosional. Kefahaman Islam pada jalur Ahlus Sunnah wal Jamaah dalam kerangka Iman, Islam & Ihsan telah terbukti abad berabad sebagai berhasil dalam mewujudkan pendekatan kesederhanaan, atau wasatiyyah yang penting dalam konteks kesefahaman sekaligus menghidupkan agama. Apa juga yang dilakukan atas nama ajaran Islam yang hakiki adalah berdasarkan keseimbangan antara apa yang disebut sebagai wahyu dan Sunnah Nabi yang diperkukuhkan dengan prinsip-prinsip akal yang benar.

Hasil gabung pegangan kepada Akidah Imam Asy'arie dan Maturidi, Fekah Mazhab Syafie sekaligus meraikan mazhab-mazhab muktabar yang lain seperti Mazhab Hanafi, Hanbali dan Maliki, serta Tasawuf Sunni dari ajaran al Ghazali, yang mana antara terasnya adalah dalam konteks '*Islam bersifat universal, bercitarasa lokal*', sehingga metodologi dakwah dan tarbiyah ruhiyah langsung diambil dengan bersumber elemen akal dan naqal, lalu dihidupkan suasana keislaman itu dengan mengambil kira fitrah sekitaran dan adat budaya masyarakat tempatan berpandukan kearifan lokal.

Hal ini dapat dilihat dari metodologi dakwah digunapakai oleh para Wali Songo di Kepulauan Jawa serta gandingan ulama-umara dalam Kesultanan Melaka, sehingga menjadi formula yang sangat berjaya bukan sahaja dalam mengimankan masyarakat Nusantara secara besar-besaran, malahan telah berhasil membudaya serta memperadabkan mereka dengan nilai-nilai Islam yang tinggi, halus dan mulia, diserap pada berbagai elemen lokal seperti bahasa, adat budaya, kesenian, kesusasteraan dan sebagainya.

Semoga kita sentiasa mampu mengamalkan strategi dakwah yang telah dicontohkan oleh Rasulullah ﷺ yang diikuti dengan baik oleh para ulama, arifbillah dan waliyulah silam sehingga dapat mengembalikan citra Islam yang penuh cinta, kasih

dan kedamaian. Sesungguhnya, ibarat batu yang keras, akan berlubang juga jika dititiskan air secara terus menerus. Begitu juga dengan hati, akan menjadi lunak jika terus menerus dihujani dengan sikap lemah lembut, penuh kesantunan serta keperibadian mulia. Inilah yang disebut sebagai dakwah 'salaman dan rahmatan', sebagai ubat penawar yang sangat mujarab dalam kerangka ihsan dan wasatiah kepada keracunan sikap ekstrisme yang menjadi fitnah paling besar kepada umat Islam sedunia masakini.

## BIBLIOGRAFI

- Dr Ismail Hamid, *Perkembangan Islam di Asia & Alam Melayu*, 1986
- Shafie Abu Bakar, *Persuratan Melayu: Pengucapan Tamadun Islam, Tamadun Islam di Malaysia*, (peyelenggara Mohd Taib Othman & A Aziz Deraman), DBP, 2000
- Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz Hj Md Zain Haji Serudin, *Melayu Islam Beraja; Suatu Pendekatan*, 1998
- Auni Abdullah, *Islam dalam Sejarah Politik & Pemerintahan Alam Melayu*, 1991
- Abdul Latiff Abu Bakar, *Adat Melayu Serumpun*, Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Kerajaan Negeri Melaka, 2001
- Prof Sayyid Muhammad Naquib al-Attas, *Historical Facts and Fictions*, Universiti Teknologi Malaysia, 2011
- Sejarah Melayu*, (edisi W.G Shellabear), cetakan 10, Malaya Publishing House, Singapura
- Armanda Cortesao (tr.), *The Suma Oriental of Tome Pires*, Vol II, Hakluyt Society, London
- Zainal Abidin Abdul Wahid, *Siri Syarahan Tun Perak II, Kesultanan Melayu Melaka, Pentadbiran Kuno atau Moden?* Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia
- Manuel Joachim Pintado, *Portuguese Documents on Malacca*, Vol 1, 1509-1511, National Archives of Malaysia, KL 1993
- Manuel Teixeira, *The Portuguese Missions in Malacca and Singapore (1511-1958)*(KP JB 114), Perpustakaan Negara Malaysia.
- Manuel Godinho de Eredia, *Eredia's Description of Malacca, Meridional India, and Cathay* (Translated from the Portugese with notes by J.V.Mills), 1613
- Dr. Adil Muhyid bin Al-Allusi, *Sejarah kedatangan Islam ke India & Indonesia*
- Abd Latif Juffri@al-Jufri, *Pendekatan Dakwah Wali 9*, Majlis Agama Islam Negeri Johor, 2013
- Asy-Syaikh As-Sayyid KH.Shohibul Faroji Azmatkhan Ba'alawi al-Husaini (*Peneliti Sejarah & Nasab Wali Songo, Mursyid Thariqah Wali Songo dan Pimpinan Majelis Dakwah Wali Songo*)
- Al-Hikmah. 2014. Belajar dari karakter dakwah wali songo. <http://alhikmahdua.net/belajar-dari-karakter-dakwah-walisongo/> [diakses 20 Jul 2014]